

TARIKH: 19/4/2023  
SURAT KHABAR: UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT: 3

# SPRM akan panggil pemimpin urus kewangan sebuah parti

Oleh MASZUREEN HADZMAN  
maszureen.hadzman@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan memanggil beberapa lagi saksi baharu termasuk pemimpin sebuah parti politik bagi mendapatkan maklumat untuk menjejaki sejumlah besar wang tunai yang dikaitkan dengan seorang menteri.

Sumber mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, siasatan SPRM difokuskan dari pelbagai sudut untuk mengesan dakwaan pemberian wang tunai menerusi orang tengah sebagai jaminan untuk syarikat-syarikat tersebut terus mendapat kontrak.

"Keterangan tersebut mungkin akan membabitkan beberapa saksi terdiri dalam kalangan pegawai di kementerian, syarikat kontraktor serta agensi di bawah kementerian itu bagi memperkukuhkan siasatan.

"Mungkin juga, akan ada pemimpin sebuah parti politik

Keterangan menteri mungkin diambil semula, beberapa saksi turut dikesan

## SPRM jejak wang tunai

Oleh MASZUREEN HADZMAN  
maszureen.hadzman@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terus menjejaki wang tunai bernilai jutaan ringgit yang dikaitkan dengan seorang menteri menerusi penggeledahan di pejabat

dan kediaman beliau semalam tidak menemui bukti itu.

Satu sumber memberitahu *Utusan Malaysia*, penggeledahan oleh SPRM di pejabat di Putrajaya dan kediaman yang diduduki menteri itu adalah sebahagian siasatan berhubung dakwaan menerima wang jutaan ringgit menerusi ahli perniagaan

yang turut ditahan bersama dua pegawainya sebelum ini.

Kata sumber, SPRM juga tidak menolak kemungkinan akan memanggil dan mengambil keterangan menteri itu sekali lagi dalam masa terdekat bagi membantu siasatan.

"Difahamkan, tiada sebarang rampasan dilakukan kerana

SPRM tidak menemukan sebarang bukti yang diperlukan.

"SPRM juga dalam tindakan mengesan saksi-saksi lain bagi mengukuhkan siasatan kes itu," katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut, kata sumber, kemungkinan wang tunai itu disimpan di lokasi tertentu ataupun telah digunakan masih

dalam siasatan SPRM.

Dalam ada itu, Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar ketika ditemui media selepas prapelancongan National Training Week (NTW) 2023 menafikan SPRM menggeledah kediaman beliau, kelmarin.

Bersam

yang menjaga kewangan parti yang dikaitkan dengan menteri itu juga akan dipanggil namun ia bergantung kepada siasatan selepas ini.

"Setakat ini, difahamkan, keterangan menteri itu juga telah diambil SPRM sekali lagi selepas beliau hadir ke Pejabat SPRM pada Ahad lalu," kata sumber itu.

Semalam, *Utusan Malaysia* melaporkan, SPRM terus menjejaki wang tunai bernilai jutaan ringgit yang didakwa diserahkan oleh orang tengah kepada menteri berkenaan.

Ini susulan penggeledahan di pejabat dan kediaman menteri berkenaan sebelum ini tidak menemukan wang tersebut atau bukti-bukti wang tersebut diterima menteri berkenaan.

Pada 16 April lalu, *Utusan Malaysia* semalam melaporkan, Sivakumar disiasat SPRM berhubung dakwaan menerima wang bernilai jutaan ringgit menerusi orang tengah sebagai jaminan meneruskan kontrak-kontrak kerajaan terhadap individu tertentu.

Ahli Parlimen DAP hadir ke

SPRM bagi menjelaskan dakwaan beliau telah menerima wang secara tunai oleh seorang ahli perniagaan yang juga ditahan SPRM bersama dua pegawai kanannya.

Sesi merakam keterangan itu juga dipercayai berlangsung selama lebih sembilan jam dan serentak itu SPRM turut dikatakan menggeledah pejabat dan rumah menteri terbabit bagi menjejaki wang yang didakwa diperoleh beliau.

UTUSAN  
Malaysia  
18 April  
2023.